

# Atlet UPM terpilih ke Gold Coast dapat insentif

BERITA HARIAN 4/4/2018 P. 77

[FOTO HALIM SALLEH/BH]

**Serdang:** Universiti Putra Malaysia (UPM) membakar semangat penuntut dan pegawaiannya yang terpilih menyertai Sukan Komanwel di Gold Coast apabila memberi insentif wang tunai RM1,000 seorang, semalam.

Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris berkata pemberian itu berbeza dengan sebelum ini, apabila atlet yang mewakili negara hanya diraikan dan diberi insentif selepas pulang membawa kejayaan.

"Kali ini kita beri dulu untuk memberi mereka lebih semangat dan membuktikan betapa pengurusan UPM bangga kerana mereka terpilih ke sana," katanya selepas majlis meraikan Atlet UPM ke Sukan Komanwel, di sini, semalam.

Sebagai rekod, 55 atlet negara daripada keseluruhan 178 yang terpilih ke temasya kedua terbesar dunia itu yang disingkap secara rasmi hari ini adalah atlet yang menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT).

Daripada jumlah itu, 27 adalah atlet UPM yang akan beraksi dalam

sukan hoki lelaki, menembak, olahraga, ragbi 7 sebelah, hoki wanita dan terjun manakala seorang pegawai UPM, Muhammad Azwar Bakar turut bertanding dalam sukan ping pong para.

Sementara itu, jaguh lompat kijang negara, Muhammad Hakimi Ismail yang diberi penghormatan sebagai pembawa Jalur Gemilang kontinen negara pada majlis pembukaan berkata, insentif yang diberikan UPM itu adalah motivasi dan penyuntik semangat buatnya beraksi lebih baik.

## Kawal diri

"Buat masa ini saya perlu mengawal diri sendiri daripada terlalu teruja menjelang pertandingan nanti kerana ia memang tak bagus.

"Sekarang saya perlu fokus untuk diri sendiri, bertenang dan beri tumpuan kepada apa yang perlu dilakukan nanti (pertandingan)," kata penuntut Ijazah Pendidikan Jasmani itu yang menangguhkan satu semester bagi memberi tumpuan di Gold Coast.

Oleh Jumiati Rosly



Sebahagian daripada 28 atlet UPM yang bakal menyertai Kejohanan Sukan Komanwel 2018 di Gold Coast, Australia.